

D910

U B290 AAB

MAHKAMAH - FEER

(I)

KUALA LUMPUR, 28 MAC (BERNAMA) -- SEORANG PEGUAM MENDAKWA DI MAHKAMAH TINGGI DI SINI HARI INI BAHAWA PIHAK BERKUASA BERKENAAN GAGAL MENGADAKAN PENYIASATAN MENGENAI LAPORAN KONONNYA PENJUALAN LIMBANG DI SARAWAK KEPADA BRUNEI DARUSSALAM YANG DIMUAT DALAM MAJALAH FAR EASTERN ECONOMIC REVIEW (FEER) WALAUPUN TAJUKNYA +MENARIK.+

ENCIK MUHAMMAD SHAFEE ABDULLAH BERKATA TAJUK LAPORAN IAITU +SARAWAK SALE+ DAN +LIMBANG TO BE SOLD TO BRUNEI+ SEPATUTNYA DENGAN SENDIRINYA MENDORONG SEORANG PEGAWAI KANAN YANG DIBERI KUASA UNTUK MENJALANKAN SIASATAN TETAPI BELIAU GAGAL BERBUAT DEMIKIAN.

KEGAGALAN MENGADAKAN SIASATAN DAPATLAH DIERTIKAN SEBAGAI KECUAIAN PIHAK BERKUASA BERKENAAN, KATA ENCIK MUHAMMAD SHAFEE YANG MEWAKILI FEER DAN PENGARANGNYA DEREK DAVIES.

FEER DAN PENGARANGNYA DISAMAN OLEH PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERHUBUNG DENGAN RENCANA MENGENAI LIMBANG YANG DISIARKAN OLEH MAJALAH ITU DALAM EDISI 21 MEI TAHUN LALU.

ENCIK MUHAMMAD SHAFEE BERHUJAH ATAS PERMOHONAN KEDUA-DUA DEFENDAN UNTUK MEMASUKKAN MENTERI DALAM NEGERI DAN KERAJAAN SEBAGAI PIHAK KETIGA DALAM SAMAN MALU YANG DIKEMUKAKAN OGOS LALU. -- LAGI.
1907MST 28 03 88

D912

U B291 AAB

MAHKAMAH - FEER 2 KUALA LUMPUR

(I)

MAHKAMAH AKAN MENDENGAR PERMOHONAN PERDANA MENTERI SUPAYA DEFENDAN MENYEBUT NAMA SUMBER ATAU SUMBER-SUMBER (LAPORAN ITU) YANG MEREKA DAKWA PADA MASA-MASA LALU TERBUKTI SEBAGAI BOLEH DIPERCAYAI, SELEPAS SELESAI MENDENGAR PERMOHONAN SEKARANG.

DALAM KENYATAAN MEMBELA DIRI YANG DIKEMUKAKAN OKTOBER LALU, FEER DAN ENCIK DAVIES MENDAKWA BAHAWA RENCANA ITU DISIARKAN HASIL MAKLUMAT YANG DITERIMA DARI SUMBER-SUMBER YANG PADA MASA LALU TERBUKTI SEBAGAI BOLEH DIPERCAYAI.

MINGGU LALU, ENCIK MUHAMMAD SHAFEE MEMBERITAHU HAKIM DATUK AJAIB SINGH BAHAWA SEORANG PEGAWAI TELAH MERAMPAS MAJALAH ITU DI LAPANGAN TERBANG LALU MERUJUKNYA KEPADA KEMENTERIAN DALAM NEGERI YANG MENAHANNYA SELAMA KIRA-KIRA ENAM HARI TETAPI KEMUDIAN MELEPASKANNYA TANPA SEBARANG +PEMADAMAN+ OLEH KEMENTERIAN.

PEGUAM ITU BERKATA DEFENDAN-DEFENDAN MENDAKWA BAHAWA PEGAWAI BERKENAAN CUI ATAU TELAH MENGABAIKAN TANGGUNGJAWAB DI BAWAH AKTA MESIN CETAK DAN PENERBITAN.

KATANYA, SATU DARIPADA SEKSYEN AKTA ITU MENYEBUT BAHAWA MENJADI TANGGUNGJAWAB PEGAWAI BERKENAAN MEMOTONG, MEMADAM ATAU MEMBUANG BAHAGIAN (DALAM RENCANA ITU) DENGAN MENGOPYAK MUKA SURAT BERKENAAN JIKA IA BERTENTANGAN DENGAN UNDANG-UNDANG. -- LAGI.
1912MST 28 03 88

D913

U B292 AAB

MAHKAMAH - FEER 3 KUALA LUMPUR

(I)

PEGUAM ITU BERHUJAH, JIKA LAPORAN ITU FITNAH, MAKA SUDAH TENTULAH, SESUATU YANG JELAS DIKETAHUI DENGAN SEGERA OLEH PEGAWAI BERKENAAN DAN MENAMBAH KATA KECUAIANNYA SECARA LANGSUNG TELAH MELIBATKAN REPUTASI PERDANA MENTERI DAN MENYEBABKANNYA MENANGGUNG KERUGIAN.

JIKA DALAM RENCANA PERTAMA, PEGAWAI BERKENAAN TIDAK TERLINTAS UNTUK MENJALANKAN SIASATAN, MAKA BELIAU SEPATUTNYA LEBIH BERHATI-HATI APABILA EDISI KEDUA MAJALAH ITU, YANG MENYIARKAN KENYATAAN MEMINTA MAAF BERHUBUNG DENGAN RENCANA YANG PERDANA MENTERI MENDAKWA SEBAGAI FITNAH, DISIARKAN.

ENCIK MUHAMMAD SHAFEE BERKATA KENYATAAN +MEMINTA MAAF+ DALAM EDISI KEDUA DISIARKAN TANPA SEBARANG PEMADAMAN ATAU PEMOTONGAN OLEH KEMENTERIAN DALAM NEGERI DAN MENAMBAH KATA PERDANA MENTERI JUGA IALAH MENTERI DALAM NEGERI.

DALAM SAMAN ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR ANTARA LAIN MENDAKWA BAHAWA PERKATAAN-PERKATAAN DALAM RENCANA ITU, MENGIKUT MAKNA YANG LAZIM DIFAHAMI MEMBAWA MAKSUD BAHAWA BELIAU TERLIBAT DALAM PERCUBAAN YANG BERCANGGAH DENGAN PERLEMBAGAAN UNTUK MENJUAL KEPADA BRUNEI SEBAGIAN DARIPADA WILAYAH SARAWAK YANG MERUPAKAN KOMPONEN MALAYSIA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA AKIBAT PENERBITAN PERKATAAN-PERKATAAN YANG DIKATAKAN ITU, NAMA BAIKNYA SEBAGAI PERDANA MENTERI TELAH TERCEMAR DAN MENDEDAHKANNYA KEPADA CEMUHAN MASYARAKAT DAN FITNAH. -- LAGI.

1914MST 28 03 88

D914

U B297 AAB

MAHKAMAH - FEER 4 KUALA LUMPUR

(I)

SEMASA MEMBELA DIRI, FEER DAN PENGARANGNYA MENAFIKAN YANG RENCANA ITU MEMBAWA MAKSUD UNTUK MEMFITNAH PERDANA MENTERI.

MEREKA MENDAKWA JIKA PERKATAAN-PERKATAAN ITU FITNAH, MAKA IA DISIARKAN MENGIKUT +HAK ISTIMEWA+ DAN ANTARA LAIN BERKATA DATUK SERI DR MAHATHIR IALAH SEORANG TOKOH YANG DIKENALI DI MALAYSIA DAN DUNIA.

PERBICARAAN BERSAMBUNG ESOK. -- BERNAMA.

1915MST 28 03 88